

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 148

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh pihak Kementerian, setelah kelonggaran untuk anak-anak yang tiada warganegara “*stateless children*” untuk bersekolah semenjak tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga 3 Mei 2019, jumlah keseluruhan murid tanpa dokumen di seluruh negara bagi sekolah Kementerian Pendidikan Malaysi (KPM) adalah seramai 3,655 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan murid lelaki adalah seramai 1,850 orang, manakala murid perempuan seramai 1,805 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM hanya menerima kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri memasuki sekolah-sekolah kendalian KPM bukan kanak-kanak tiada warganegara atau *stateless children*. Kementerian berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran berdasarkan:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen yang menjelaskan penerimaan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen, iaitu anak kepada salah seorang ibu atau bapanya warganegara bersekolah di sekolah kerajaan;
2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara dengan memberikan tempoh dua tahun kepada ibu bapa atau penjaga menguruskan dokumen pengenalan diri kanak-kanak ini;
3. Menyahut amanat oleh YB Menteri bagi mendaftarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara untuk bersekolah; dan
4. Menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut.

Sekian, terima kasih.

RJM 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11747

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu, Sarawak akan dinaik taraf atau dibina baharu dan seterusnya akan dijadikan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian bercadang untuk membina Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu yang baru. Keperluan projek ini adalah bagi memastikan kemudahan keluar masuk penumpang dan barang melalui pintu masuk ini disediakan dengan komprehensif bagi menyokong pembukaan semula aktiviti perdagangan di Tebedu susulan daripada *Border Trade Agreement* (BTA) dan *Border Crossing Agreement* (CSA) yang akan ditandatangani.

Namun begitu, KDN dimaklumkan bahawa aktiviti perdagangan antara Tebedu – Entikong masih menghadapi masalah disebabkan proses pewartaan Entikong sebagai *Legal Landing Port* perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh Kerajaan Indonesia bagi mengelakkan Kompleks ICQS baru yang disiapkan nanti kurang digunakan (*underutilize*).

Memandangkan terdapatnya keperluan untuk menaiktaraf Kompleks ICQS sedia ada, KDN akan menggunakan peruntukan pembangunan (DE) sedia ada sebanyak RM10 juta yang diluluskan untuk menaiktaraf ICQS berkenaan. Projek menaiktaraf ICQS Tebedu kini sedang dalam peringkat menyediakan skop terperinci projek dan kerja-kerja naik taraf dijangka akan bermula pada suku tahun kedua 2020.